

**Najib Adakan Taklimat Tertutup Bersama Anggota Parlimen BN
Bernama
24 September, 2012**

KUALA LUMPUR, 24 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak pada Isnin mengadakan majlis taklimat tertutup dengan anggota Parlimen Barisan Nasional (BN) di bangunan Parlimen di sini.

Taklimat tertutup kira-kira 45 minit yang bermula pada pukul 8.45 pagi itu dihadiri anggota Parlimen daripada parti-parti komponen BN termasuk jemaah menteri.

Selepas mesyuarat, Najib beredar bagi menghadiri persidangan Dewan Rakyat untuk Mesyuarat Ketiga Penggal Kelima di Parlimen.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=696708>